Wadah Pembaharuan
BH ONLINE

Pakar pendidikan sokong UPSR, PT3 dihidupkan semula

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi - September 18, 2024 @ 5:52pm
bhnews@bh.com.my



Pakar Pusat Kajian Kepelbagaian Pendidikan UKM, Dr Anuar Ahmad. - Foto fail ihsan Astro Awani

KUALA LUMPUR: Pakar pendidikan bersetuju dan menyokong penuh cadangan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dihidupkan semula.

Pakar Pusat Kajian Kepelbagaian Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Anuar Ahmad berkata UPSR penting kerana ia bertujuan menguji keupayaan murid dalam membaca, menulis dan mengira (3M).

Katanya, PT3 pula bertujuan melihat kecenderungan pelajar dalam bidang tertentu seperti Sains, Sastera, Ekonomi, Keusahawanan, Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan sebagainya.

"Pada pendapat saya, perlu kembali laksanakan sistem pentaksiran berpusat di mana amalan UPSR dan PT3 atau nama lain yang akan digunakan nanti, dilaksanakan di peringkat sekolah rendah, menengah rendah selain Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang kini di peringkat menengah atas.

"Berdasarkan kajian terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang mula dilaksanakan pada 2017, ia menimbulkan banyak keributan, 'caca marba', dipertikai ibu bapa sendiri yang tidak gembira dengan keputusan anak mereka.

"Apabila kita melihat pada kesan jangka panjang, ia menyebabkan anak-anak menghadapi kesan isu 3M yang mana minat terhadap pelajaran juga merosot," katanya.

Sabtu lalu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata dasar pendidikan berhubung peperiksaan bagi pelajar Tahun Enam dan Tingkatan Tiga perlu disemak semula dan dirombak selepas kewujudan masalah pelajar tidak mahir 3M.

Katanya, perbincangan bersama KPM dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sebelum ini menyedari isu 3M adalah antara punca 10,177 pelajar tidak menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun lalu.

Mengulas lanjut, Anuar berkata PBD yang diamalkan di negara ini diambil dari negara luar seperti Eropah yang kemudiannya dilaksanakan di sekolah di sini.

Katanya, pelaksanaan PBD di negara maju menunjukkan kesan yang baik malah berjaya meningkatkan motivasi dan kualiti murid dalam pengajaran.

"Bagaimanapun PBD yang dilaksanakan di Malaysia berhadapan dengan beberapa isu dan akhirnya tidak berjaya dengan berkesan kerana ibu bapa merasakan ia tidak membantu anak mereka," katanya.

Anuar berkata masalah ekosistem menjadi kekangan utama PBD gagal di negara ini iaitu berkenaan silibus yang digunakan dan jumlah murid dalam kelas.

Katanya, selepas UPSR dan PT3 dimansuhkan silibus dan kurikulum yang digunakan masih lama dan tidak berasakan PBD.

"Di negara maju kurikulum ringkas, mudah, ringan tidak terlalu banyak kerana pelaksanaan PBD adalah berasakan aktiviti di dalam kelas.

"Malah, guru pula mempunyai silibus yang ringkas, fleksible dan akan merancang pelbagai aktiviti di dalam kelas. Berdasarkan pelbagai aktiviti di dalam kelas itulah penilaian akan dilakukan terhadap murid," katanya.

Anuar berkata silibus yang ada ketika itu untuk tujuan peperiksaan, tidak diubahsuai atau dirombak walaupun peperiksaan dimansuhkan.

"Sebab itu, kita dapat melihat silibus mereka masih banyak, padat dan tinggi kerana ia bertujuan untuk menjawab peperiksaan," katanya.

Berkenaan jumlah murid di dalam kelas pula, Anuar berkata jika dibandingkan di negara maju, bilangan murid di dalam kelas hanya 20 sehingga 25 berbanding di Malaysia jika di kawasan bandar mencecah sehingga 45.

Katanya, jumlah murid yang ramai memberi kekangan kepada guru untuk memberi tumpuan kepada mereka.

"Di negara maju, guru hanya mengajar satu kelas tetapi dalam banyak mata pelajaran. Apa yang penting adalah guru kenal setiap muridnya kerana berada sepanjang hari dengan murid sama.

"Jadi guru sangat mengenali murid dan ibu bapa sudah pasti boleh menerima pentaksiran guru kerana guru itu lebih lama berada bersama murid berbanding ibu bapa," katanya.